

UMS mahu perkukuh kerjasama pengurusan bencana

Bagi perkongsian maklumat, penyelidikan mahupun perkhidmatan
UB 09.08.2024 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) mahu terus memperkuatkkan lagi kerjasama bersama kerajaan negeri dalam aspek pengurusan bencana khususnya di Sabah.

Pengarah NDRC, Prof. Madya Dr. Carolyn M. Payus berkata, kerjasama itu bagi perkongsian maklumat, penyelidikan mahupun perkhidmatan sebagai membantu agensi kerajaan negeri dalam mengurus dan menangani bencana alam.

“Melalui kerjasama berterusan ini, NDRC mampu memainkan peranan sebagai titik pertemuan untuk semua keperluan berkaitan pengurusan bencana alam di negeri ini.

“Ini termasuk penyelidikan, perkhidmatan kepada kerajaan dan perundingan yang berkaitan dengan bencana alam, sama ada di dalam negeri atau luar Sabah,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan sempena kunjungan hormat NDRC UMS ke Pejabat Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor di Menara Kinabalu di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Carolyn memaklumkan semasa kunjungan itu, NDRC berkongsi



KUNJUNGAN: Carolyn menyampaikan cenderahati kepada Hajiji semasa kunjungan itu.

mengenai fungsi, peranan peserta beberapa penyelidikan yang dilakukan oleh pusat berkenaan antaranya dalam bidang gempa bumi, banjir, hakisan pantai serta perkongsian mengenai Pangkalan Data Bencana Alam.

“Beberapa isu kritis turut dibincangkan seperti bencana alam yang sedang berlaku di Sabah pada masa kini, serta cadangan kerjasama dalam pengurusan bencana yang lebih berpusat dan bersepadau antara kerajaan negeri dan NDRC UMS, khususnya dari pihak akademia dalam usaha untuk mengurangkan impak bencana.

“Hasil pertemuan ini juga mendapat maklumbalas positif dari Ketua Menteri sendiri yang menyambut baik usaha yang dijalankan oleh pihak NDRC UMS terutamanya

dalam penyelidikan dan pengurusan bencana negara,” katanya.

Beliau berkata, Ketua Menteri turut berharap agar NDRC dapat bekerjasama dengan pengurusan bencana negeri melalui penglibatan dalam ‘Disaster Command Centre’ yang akan diwujudkan bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

“Ini termasuk menyumbang khidmat kepada kerajaan yang berkaitan dengan pengurusan bencana, seperti Jabatan Pengurusan Bencana Negeri Sabah, di bawah Jabatan Ketua Menteri.

“Ketua Menteri turut menghargai sumbangan kepada kerajaan yang menyambut baik usaha yang dijalankan oleh pihak NDRC UMS yang dilihat amat penting sebagai input

dalam membantu membuat keputusan dalam aspek pembangunan yang secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan pengurusan bencana yang berlaku di peringkat negeri,” jelasnya.

Antara delegasi NDRC UMS yang turut serta dalam kunjungan hormat itu Ketua Kluster Hakisan Pantai dan Sungai, Prof. Madya Dr. Ejria Saleh; Ketua Kluster Gempa Bumi, Dr. Noor Sheena Herayani Harith; Ketua Kluster Banjir, Dr. Janice Lynn Ayog dan Pegawai Penyelidik NDRC, Eldawaty Madran.

Hadir sama, Setiausaha Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Datuk Ag. Shaminan Ag. Sahari dan Setiausaha Perhubungan Awam kepada Ketua Menteri Datuk Effendi Mohamed Sunoh.